

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN [KEPALA BATAS - BN]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 79)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan laporan kejayaan Festival Belia Putrajaya 2014 daripada sudut kehadiran dan pelaksanaan program, bagaimanakah momentum tersebut boleh dikekalkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, festival tahun ini dianjurkan dengan skala yang lebih kecil untuk menikmati rasa yang tulen serta asli, dan pada masa yang sama, telah mengadakan aktiviti-aktiviti mengikut selera semua lapisan belia.
2. Pihak Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan kualiti penyertaan dan kehadiran belia pelbagai peringkat seperti penyertaan pada tahun sebelum ini walaupun kuantiti pengunjung tidak seramai seperti yang disasarkan pada tahun terdahulu di Festival Belia Putrajaya. Walau bagaimanapun, peningkatan penyertaan terutama penyertaan akar umbi bertambah dalam sambutan Hari Belia Negara di peringkat setempat (peringkat negeri dan daerah).
3. Pihak kementerian telah melakukan pembaharuan dari segi format pelaksanaan Hari Belia Negara dengan mengambil kira pelaksanaannya di peringkat akar umbi iaitu melibatkan pelaksanaan di peringkat daerah, negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan di Putrajaya bagi memastikan penjenamaan festival ini dapat dirasai di peringkat akar umbi, pendekatan ini dilihat dapat merakyatkan dan mengakar-umbi lagi Hari Belia Negara. Seterusnya, secara tidak langsung ia berjaya meningkatkan jumlah penyertaan belia akar umbi di Festival Belia Putrajaya itu sendiri.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih kurang 60 aktiviti telah dilaksanakan sepanjang Festival Belia Putrajaya bermula dari 22 hingga 25 Mei 2014. Pelaksanaan Festival pada kali ini menampilkan keunikan tersendiri melalui pelbagai program yang diberi suntikan elemen keagamaan dan kerohanian bagi mengisi jiwa dan memperkasa rohani belia di samping acara sukan dan hiburan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat "Malam Belia Berselawat" pada 22 Mei 2014 telah mendapat sambutan yang hangat dan menjadi tarikan utama bagi pembukaan Festival Belia Putrajaya.

5. Hasil pelaporan awal yang di keluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) melalui kajian yang dilaksanakan di peringkat daerah dan negeri, menunjukkan 55.8 peratus responden menyatakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan menepati cita rasa belia setempat. Manakala 65.1 peratus responden menyatakan pelaksanaan Hari Belia Negara ini dilihat sebagai langkah kerajaan dalam memberi pengiktirafan tertinggi kepada golongan belia khususnya di peringkat akar umbi. Bagi mengekalkan momentum perayaan dan sambutan pada tahun akan datang, pihak kementerian akan terus mempelbagaikan program dan aktiviti kepada golongan muda dengan perkara baharu selari dengan selera golongan muda dan semua lapisan masyarakat. Momentum ini juga boleh diteruskan dengan menyediakan satu pentas mega yang menyaksikan himpunan bakat belia dan cetusan inspirasi tanpa batasan melalui kepelbagaian bengkel, aktiviti dan acara. Bertemakan "Dari Belia Untuk Belia", festival pada tahun-tahun akan datang bakal menyaksikan belia Malaysia dari segenap latar

belakang menonjolkan minat dan kreativiti masing-masing dan bersatu dalam sambutan khusus untuk golongan muda.

Sekian, terima kasih.